

**FACILITATION FUND / DANA MUDAHCARA
FREQUENTLY ASKED QUESTIONS / SOALAN LAZIM**

Q&A	English	Bahasa Melayu
Q1	How much is the total Facilitation Fund available and what is its purpose?	Berapakah jumlah sedia ada Dana Mudahcara tersebut dan apakah tujuannya?
A1	<p>The total facilitation fund is RM2 billion and it is meant for:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Providing support to Bumiputera companies in the form of grant which serves as a tipping point for efficacious execution of qualified projects; • Bridging the viability gap in private sector investment in the implementation of projects by Bumiputera that have significant impact to the economic development and community. 	<p>Dana Mudahcara tersebut berjumlah RM2 bilion dan ianya bertujuan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberi sokongan kepada syarikat-syarikat Bumiputera di dalam bentuk bantuan yang bertindak sebagai 'tipping point' kepada keberkesanan pelaksanaan projek-projek yang berkeelayakan; • Melengkapkan jurang daya maju pelaburan sektor swasta di dalam pelaksanaan projek-projek oleh Bumiputera yang memberi kesan yang ketara kepada pembangunan ekonomi dan komuniti.
Q2	What are the types of projects that qualify for financial assistance under the Facilitation Fund?	Apakah jenis-jenis projek yang layak mendapat bantuan kewangan di bawah Dana Mudahcara tersebut?
A2	<p>Projects that fulfill the following prerequisite:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cost of project between RM 5 million to RM 200 million (further reduction to RM 2.5 million subject to specific sectors / projects) – refer Question 3; • Investment that has high impact to the economic growth and has added value and high multiplier effects; • Projects which have potential to create sustainable employment opportunities to Malaysian citizens particularly Bumiputera, at the management and professional levels; • Projects which have potential to contribute towards enhancing the country's economic competitiveness; • Projects which are technically feasible and commercially viable on a standalone basis; • Projects with strategic value in line with the strategic thrusts outlined under the National Key Economic Area (NKEA) sectors and any viable Bumiputera projects of non-NKEA sectors 	<p>Projek-projek yang memenuhi prasyarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos projek bernilai di antara RM 5 juta hingga RM 200 juta (pengurangan kos projek kepada RM 2.5 juta tertakluk kepada sektor / projek tertentu) – rujuk Soalan 3; • Pelaburan yang memberikan impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi dan mempunyai nilai tambah dan nilai pengganda yang tinggi; • Projek-projek yang berpotensi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang berterusan kepada warganegara Malaysia terutamanya Bumiputera, di peringkat pengurusan dan professional; • Projek-projek yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan daya saing ekonomi Negara; • Projek-projek yang boleh dilaksana daripada segi teknikal serta berpotensi untuk berdaya maju; • Projek-projek yang mempunyai nilai strategik selaras dengan teras yang digariskan dalam sektor-sektor NKEA dan sebarang projek-projek Bumiputera yang berdaya maju di bawah sektor bukan NKEA.
Q3	What is the project cost eligibility for the Facilitation Fund?	Apakah nilai kos projek yang layak mendapat Dana Mudahcara?
A3	<p>The project cost ranges as the following:</p> <p>(i) Between RM 2.5 million to RM 50 million</p> <p>(ii) Above RM 50 million to RM 200 million</p> <p>Kindly note that the evaluation process differs between each project cost range – refer Question 4, 5 and 6</p>	<p>Julat nilai kos projek adalah seperti berikut:</p> <p>(i) Di antara RM 2.5 juta hingga RM 50 juta</p> <p>(ii) Melebihi RM 50 juta hingga RM 200 juta</p> <p>Sila ambil maklum bahawa proses penilaian bagi setiap julat nilai kos projek sepertimana tersenarai adalah berlainan – rujuk Soalan 4, 5 dan 6</p>
Q4	What is the difference between both cost ranges?	Apakah perbezaan di antara kedua-dua julat kos projek?
A4	<p>Initially, the minimum threshold for projects to qualify for the Facilitation Fund was RM20 million.</p> <p>In July 2012, TERAJU announced the RM600 million allocation for utilisation by qualified projects with a minimum cost of RM5 million up to RM50 million. This relates to the RM100 million allocation to each 5 corridor regions and another RM100 million with TERAJU HQ to cater for projects in areas not covered by the Corridors.</p> <p>Projects valued above RM50 million will be assessed directly by TERAJU HQ only.</p>	<p>Pada asalnya, nilai kos projek minima yang berkeelayakan bagi Dana Mudahcara adalah RM20 juta.</p> <p>Pada Julai 2012, TERAJU telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM600 juta untuk kegunaan projek-projek yang berkeelayakan dengan kos minima RM5 juta sehingga RM50 juta. Ini adalah berkaitan dengan peruntukan RM100 juta bagi setiap 5 wilayah koridor dan RM100 juta lagi adalah diperuntukkan kepada ibu pejabat TERAJU bagi tujuan pengendalian projek-projek di luar kawasan wilayah Koridor tersebut.</p> <p>Projek bernilai lebih RM50 juta hanya akan dinilai secara langsung oleh pihak ibu pejabat TERAJU.</p>

Q5	What is the evaluation process for project cost between RM 2.5 million to RM50 million?	Apakah proses penilaian yang terlibat bagi nilai kos projek di antara RM 2.5 juta hingga RM50 juta?
A5	<ul style="list-style-type: none"> • Applications can be made directly to TERAJU HQ or the relevant TERAJU@Corridor satellite offices based on the project location proposed by the applicant • Preliminary assessment would be conducted by the Facilitation Fund Committee Secretariat (“Secretariat”) situated at TERAJU HQ or at each Corridor economic region • Evaluation and recommendation will be done by the Secretariat • Endorsed projects by TERAJU HQ and Corridors will be tabled at the TERAJU Executive Committee (TERAJU EXCO) for final approval • TERAJU HQ or respective Corridors to issue Facilitation Fund Letter of Approval to successful applicant companies together with a copy of the Facilitation Grant Agreement to be signed • The Agreement will only be effective when the Company has completed the Conditions Precedent i.e. the requirements imposed for the Company to comply within six (6) months from the date of the Agreement • Fund disbursement either on progressive reimbursable basis or upon completion (subject to deliberation by the Committee) by TERAJU HQ or the Corridor authority upon fulfilment of the Conditions Precedent and all necessary supporting documents are provided within stipulated timeframe given 	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan boleh dibuat secara terus kepada ibu pejabat TERAJU atau pejabat-pejabat satelit TERAJU@Koridor yang berkenaan bergantung kepada lokasi projek berdasarkan permohonan syarikat • Penilaian awal ke atas permohonan dijalankan oleh pihak ibu pejabat TERAJU atau Sekretariat Jawatankuasa Dana Mudahcara (“Sekretariat”) di setiap wilayah ekonomi TERAJU@Koridor • Penilaian dan syor seterusnya akan dilaksanakan oleh pihak Sekretariat • Projek yang disyorkan pihak ibu pejabat TERAJU dan Koridor akan dibentangkan di Jawatankuasa Eksekutif TERAJU (TERAJU EXCO) untuk kelulusan akhir • Ibu pejabat TERAJU atau pihak Koridor yang berkenaan akan mengeluarkan Surat Kelulusan Dana Mudahcara kepada syarikat pemohon yang berjaya berserta lampiran Perjanjian (<i>Facilitation Grant Agreement</i>) untuk ditandatangani • Perjanjian tersebut hanya akan berkuatkuasa apabila Syarikat telah menyempurnakan “<i>Conditions Precedent</i>” iaitu syarat-syarat yang dikenakan ke atas Syarikat untuk dipatuhi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh Perjanjian • Dana disalurkan setelah projek selesai secara langsung atau berperingkat (bergantung kepada pertimbangan pihak Jawatankuasa) oleh TERAJU HQ atau pihak Koridor setelah kesemua “<i>Conditions Precedent</i>” disempurnakan dan dokumen sokongan yang berkenaan dikemukakan dalam tempoh jangkamasa yang telah ditetapkan
Q6	What is the evaluation process for project cost above RM 50 million to RM 200 million?	Apakah proses penilaian yang terlibat bagi nilai kos projek melebihi RM 50 juta hingga RM 200 juta?
A6	<ul style="list-style-type: none"> • Similar processes as listed in A5 above except the applications must be submitted directly to TERAJU HQ office, where the preliminary assessment and evaluation would be conducted • Successful applications screened by TERAJU will be forwarded to 3PU, whereby the applicants would be invited for final presentation at the JKAS Committee • Upon endorsement by JKAS Committee and final approval obtained, a Conditional Approval letter will be issued by the Government • A tripartite agreement to be formed between the Government-BPMB-Applicant Company once all parties agree with all the clauses in the agreement • Fund disbursement channeled to successful applicant either on progressive reimbursable basis or upon completion (subject to deliberation by the JKAS Committee) by the appointed agent Bank Pembangunan once all necessary documents are provided <p>Kindly note that for both of the procedures above, further correspondence and engagement with the applicant companies would be carried throughout the evaluation process if deemed necessary.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Proses yang sama sepertimana di bahagian A5 di atas kecuali permohonan dibuat terus kepada ibu pejabat TERAJU bagi tujuan penilaian dan ulasan • Permohonan yang berjaya setelah diteliti oleh TERAJU akan dikemukakan kepada pihak UKAS, di mana syarikat pemohon akan dijemput untuk membuat pembentangan di mesyuarat Jawatankuasa Awam-Swasta (JKAS) • Setelah pengesahan oleh mesyuarat JKAS dan kelulusan akhir diperolehi, surat Kelulusan Prinsip akan dikeluarkan oleh Kerajaan • Suatu perjanjian tiga-pihak (<i>tripartite</i>) akan dibentuk di antara Kerajaan-BPMB-Syarikat Pemohon setelah menerima persetujuan kesemua pihak berkenaan klausa-klausa sepertimana yang telah digariskan dalam perjanjian • Penyaluran Dana kepada syarikat pemohon yang Berjaya dilakukan secara berperingkat atau setelah projek selesai (bergantung kepada pertimbangan JKAS) oleh Bank Pembangunan sebagai agen terlantik setelah segala dokumen yang berkenaan telah dikemukakan <p>Sila ambil maklum bagi kedua-dua prosedur di atas, sebarang komunikasi tambahan dan perbincangan lanjut dengan syarikat pemohon akan dibuat sepanjang proses penilaian bergantung kepada keperluan.</p>

Q7	What is the mode of assistance available for the successful applicant under the Facilitation Fund?	Apakah bentuk bantuan yang disediakan untuk pemohon yang berjaya di bawah Dana Mudahcara tersebut?
A7	<p>The Facilitation Fund is a form of financial grant assistance of up to 15% of the project cost or a maximum of RM30 million.</p> <p>Qualified property development projects are eligible up to 10% of the project cost. Refer Question 13 for details on the new scope pertaining to this sector.</p> <p>Fund shall be made available for reimbursement on items of basic infrastructure, as well as for machinery and equipment.</p>	<p>Dana Mudahcara merupakan bantuan geran kewangan sehingga 15% daripada kos projek atau sehingga maksimum RM30 juta.</p> <p>Projek-projek pembangunan hartanah yang berkelayakan boleh dipertimbangkan bagi tujuan pembiayaan dana sehingga 10% daripada kos projek. Rujuk Soalan 13 untuk maklumat tentang skop terbaharu berkaitan sektor ini.</p> <p>Dana akan disalurkan secara pembayaran balik ke atas perkara berkaitan infrastuktur asas, dan juga untuk mesin dan kelengkapan.</p>
Q8	What are the cost items that can be considered as the project cost for Facilitation Fund?	Apakah kos-kos yang boleh dipertimbangkan sebagai kos projek untuk Dana Mudahcara?
A8	<p>The project cost that can be considered for Facilitation Fund should only consist of proposed developmental costs (infrastructure) and costs of machinery and equipment. The project cost <u>excludes land cost, operational expenses including working capital, and costs relating to intangible items and services.</u></p> <p><u>Any substantial costs incurred prior to the submission of application to TERAJU will result in the application being disqualified for Facilitation Fund.</u></p> <p>The 15% reimbursement via the Facilitation Fund (or 10% for property development projects) will be based on the proposed project cost items that fall within the scope of Facilitation Fund as stipulated above.</p>	<p>Kos projek yang boleh dipertimbangkan bagi tujuan Dana Mudahcara mestilah hanya merangkumi cadangan kos pembangunan (infrastruktur) dan juga kos berkaitan mesin dan kelengkapan. Kos projek <u>tidak mengambilkira harga tanah, perbelanjaan operasi termasuk modal kerja, dan kos-kos berkaitan aset tidak ketara dan kos perkhidmatan.</u></p> <p><u>Sebarang kos-kos besar yang telah diperbelanjakan terlebih dahulu sebelum tarikh permohonan dikemukakan kepada pihak TERAJU akan mengakibatkan permohonan tersebut terbatal bagi Dana Mudahcara.</u></p> <p>Pembayaran balik sebanyak 15% melalui Dana Mudahcara (atau 10% bagi projek pembangunan hartanah) adalah berdasarkan kos-kos yang dibenarkan di bawah skop Dana Mudahcara sepertimana ditetapkan di atas.</p>
Q9	What are the additional supporting documents that can be submitted to facilitate and expedite the screening process on Facilitation Fund applications?	Apakah dokumen sokongan tambahan yang boleh dikemukakan untuk membantu mempercepatkan proses penilaian permohonan Dana Mudahcara?
A9	<ul style="list-style-type: none"> To facilitate and expedite our screening and endorsement process, an applicant company must provide a detailed itemised cost breakdown for the following: <ul style="list-style-type: none"> Overall items under the total project cost Proposed items for Facilitation Fund reimbursement And where necessary, please include the specific description on the nature of each item. The cost items should be corroborated i.e. <u>verified by certified quantity surveyor</u> for costs relating to basic infrastructure, and <u>quotations verified by certified engineer / experts / authority relevant to the project</u> for purchase of machinery and equipment; for evaluation and review purposes. TERAJU has the discretion to require verification by an independent certified quantity surveyor. <p>Other relevant information and documents required are available in the Facilitation Fund application form.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Untuk mempermudah dan melancarkan proses penilaian dan perakuan kami, syarikat perlu mengemukakan pecahan nilai kos terperinci bagi setiap butiran yang terlibat, bagi yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> Butiran keseluruhan untuk jumlah kos projek Butiran cadangan untuk tujuan pembayaran balik melalui Dana Mudahcara Sekiranya perlu, sila sertakan gambaran latarbelakang yang khusus bagi butiran tersebut. Butiran kos haruslah disokong, iaitu dengan <u>pengesahan juruukur bahan yang diperakukan</u> bagi kos berkaitan infrastruktur asas, dan <u>sebut harga yang disahkan oleh jurutera yang diperakukan / pakar / pihak berkuasa yang berkenaan dengan projek</u> bagi pembelian mesin dan kelengkapan; untuk tujuan penilaian dan ulasan lanjut. Adakalanya pengesahan dari juruukur bahan bebas yang diperakukan adalah diperlukan mengikut budi bicara dan pertimbangan pihak TERAJU. <p>Maklumat lain dan dokumen berkaitan yang diperlukan ada tersenarai dalam borang permohonan Dana Mudahcara.</p>

Q10	Is it possible for an applicant company to submit more than one Facilitation Fund application?	Adakah sesebuah syarikat pemohon dibenarkan untuk mengemukakan lebih daripada satu permohonan Dana Mudahcara?
A10	<p>Since applications for the Fund are on project basis, applicant companies are eligible to submit more than one potential projects to be considered for the Fund. However, TERAJU will recommend the maximum eligibility to the applicants depending on the nature of projects and companies involved.</p> <p>Applicant companies are required to disclose:</p> <p>(a) Previous project(s) applied and/or approved for Facilitation Fund under TERAJU (b) Previous project(s) and current project applied and/or approved for Facilitation Fund under UKAS</p>	<p>Memandangkan permohonan Dana adalah berdasarkan projek, syarikat pemohon layak untuk mengemukakan lebih dari satu projek yang berpotensi bagi pertimbangan Dana Mudahcara. Walau bagaimanapun, TERAJU akan mencadangkan had maksima Dana yang layak kepada para pemohon tertakluk kepada projek dan syarikat yang terlibat</p> <p>Syarikat pemohon adalah dikehendaki untuk menyatakan:</p> <p>(a) Sebarang projek terdahulu yang dipohon dan/atau diluluskan untuk Dana Mudahcara di bawah TERAJU (b) Sebarang projek-projek terdahulu dan projek semasa yang dipohon dan/atau diluluskan untuk Dana Mudahcara di bawah UKAS</p>
Q11	Who is eligible for the Facilitation Fund?	Siapakah yang layak untuk Dana Mudahcara tersebut?
A11	<p>Applicant that meets the following criteria:</p> <p>(a) The effective Bumiputera shareholding in the company is at least 51 percent; (b) For a Public Listed Company (PLC), at least 35% effective Bumiputera shareholding; (c) The CEO / MD or highest management position must be a Bumiputera; (d) Company's investment value in project should be at par or more than 50% of total fund applied; (e) Has the required capacity, ability, skills and experience required for project execution; (f) Has strong financial position and able to secure commercial financing for the project.</p> <p>For (a), (b) and (c), successful applicant companies will be required to comply with the requirements until 3 years upon completion of project.</p>	<p>Pemohon yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:</p> <p>(a) Pegangan saham efektif oleh Bumiputera di dalam syarikat adalah sekurang-kurangnya 51 peratus; (b) Untuk syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, pegangan saham efektif oleh Bumiputera di dalam syarikat adalah sekurang-kurangnya 35 peratus; (c) Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan atau Pengurusan Terkanan adalah Bumiputera; (d) Nilai pelaburan syarikat di dalam projek hendaklah sama atau lebih daripada 50% daripada jumlah dana mudahcara yang dipohon; (e) Mempunyai kapasiti, keupayaan, kemahiran dan kepakaran untuk keperluan melaksanakan projek; (f) Mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta berkeupayaan untuk mendapatkan pembiayaan komersil bagi projek.</p> <p>Bagi (a), (b) dan (c), syarikat-syarikat pemohon yang berjaya adalah diwajibkan untuk mematuhi syarat-syarat selama 3 tahun selepas projek selesai dilaksanakan.</p>
Q12	What are the types of projects that are not eligible to be considered for the Facilitation Fund?	Apakah jenis-jenis projek yang tidak layak dipertimbangkan untuk Dana Mudahcara tersebut?
A12	<p>Projects with the following characteristics:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Projects in the financial/banking sector; • Projects in the incubator or R&D stage; • Projects which involve merger & acquisitions • Projects that have received Government allocation and/or funded by funds provided by Government; • Government procurement projects; • Investment in foreign countries; • Projects that are highly dependent on Government support; • Projects whereby the Government needs to bear a significant portion of the risks; • Projects under the property development sector – refer Question 13 <p>Projects which entails design, build and transfer for/to another party are not eligible for the Facilitation Fund. In particular, project must be owned by the applicant and does not involve any cost relating to performance of contracts awarded and/or any works on behalf of another party.</p>	<p>Projek-projek dengan ciri-ciri berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Projek-projek di dalam sektor kewangan/perbankan; • Projek-projek di dalam peringkat inkubator atau penyelidikan dan pembangunan; • Projek-projek yang melibatkan penggabungan dan pemerolehan; • Projek-projek yang telah menerima peruntukan Kerajaan dan/atau dibiayai oleh dana-dana Kerajaan; • Projek-projek perolehan Kerajaan; • Pelaburan-pelaburan di luar negara; • Projek-projek yang bergantung kepada sokongan Kerajaan; • Projek-projek di mana Kerajaan perlu menanggung sebahagian besar risiko; • Projek-projek di bawah sektor pembangunan hartanah – rujuk Soalan 13 <p>Projek-projek yang melibatkan rekabentuk, pembinaan dan pemindahan untuk/kepada pihak yang lain adalah tidak layak bagi tujuan Dana Mudahcara. Terutamanya, projek mestilah dimiliki oleh pemohon dan tidak melibatkan sebarang kos berkaitan dengan pelaksanaan sesebuah kontrak atau sebarang kerja-kerja bagi pihak yang lain.</p>

Q13	Why are projects under the property development sector listed among the types of projects not eligible to be considered for the Facilitation Fund?	Mengapakah projek-projek di bawah sektor pembangunan hartanah tergolong di antara jenis projek yang tidak layak dipertimbangkan untuk pembiayaan Dana Mudahcara?
A13	<p>Initially, the Facilitation Fund under TERAJU considered all viable Bumiputera projects, which includes property development.</p> <p>In August 2013, the scope of projects within the property development sector had been re-reviewed and such projects have been deprioritised for the purpose of Facilitation Fund.</p> <p>The policy change is due to the reason that projects involving sales and deposit taking from potential buyers do not meet the true objective and spirit of the Facilitation Fund i.e. to serve as a 'tipping point' which would in turn allow projects to be viable.</p> <p>However, a property development project may still be considered for the Facilitation Fund if it is a Greenfield Project, development on Malay reserve land / waqf land / customary land, and / or the project involves cost components which would benefit the public at large.</p> <p>Nevertheless, the Facilitation Fund for property development projects which fulfill the above requirements is limited up to ten percent (10%) of the total qualified project cost only.</p>	<p>Pada asalnya, Dana Mudahcara di bawah TERAJU mempertimbangkan semua projek-projek Bumiputera yang berdaya maju, termasuklah pembangunan hartanah.</p> <p>Pada Ogos 2013, skop bagi projek-projek di bawah sektor pembangunan hartanah telah dikaji semula dan projek-projek tersebut kini tidak diutamakan (<i>deprioritised</i>) bagi tujuan pembiayaan Dana Mudahcara.</p> <p>Perubahan dasar ini adalah memandangkan projek-projek tersebut melibatkan penjualan serta pembayaran deposit dari pembeli, yang kurang menepati objektif asal Dana Mudahcara iaitu sebagai '<i>tipping point</i>' agar membolehkan sesebuah projek itu untuk berdaya maju.</p> <p>Walau bagaimanapun projek pembangunan hartanah masih boleh dipertimbangkan bagi tujuan Dana Mudahcara jika sekiranya sesuatu projek itu melibatkan pembangunan hartanah di kawasan baharu, pembangunan di tapak tanah rizab Melayu / tanah wakaf / tanah adat, dan / atau projek tersebut mengandungi komponen-komponen kos yang dapat membawa manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan.</p> <p>Namun demikian, Dana Mudahcara bagi projek-projek pembangunan hartanah yang menepati keperluan ini hanya dihadkan kepada sepuluh peratus (10%) daripada jumlah kos projek yang dibenarkan sahaja.</p>
Q14	Would the Facilitation Fund be available for the High Performance Bumiputera SMEs (TeraS) and for start-up and micro enterprises?	Adakah Dana Mudahcara tersebut boleh digunakan untuk High Performance Bumiputera SMEs (TeraS) dan untuk enterpris-enterpris permulaan dan mikro?
A14	Yes, the Facilitation Fund is also available for any initiatives through TERAJU, provided that the underlying project and applicant company meet the criteria specified for qualified projects and applicant companies.	Ya, Dana Mudahcara tersebut juga boleh digunakan untuk mana-mana inisiatif di bawah TERAJU, dengan syarat projek dasar dan syarikat pemohonnya menepati kriteria seperti dinyatakan untuk projek-projek dan syarikat-syarikat yang berkelayakan.
Q15	How will the fund be made available to the successful applicant?	Bagaimanakah dana tersebut akan disalurkan kepada pemohon yang berjaya?
A15	<p>Utilisation will be on basis of progressive reimbursable or upon completion either through the appointed agent, Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) or directly from TERAJU@Corridor – refer Question 5 and 6</p> <p>Please be informed that for progressive reimbursable basis, payment is upon 50 percent and 100 percent completion of the proposed project.</p>	<p>Penyaluran dana adalah berasaskan pembayaran balik secara berperingkat atau setelah projek selesai sama ada melalui agen yang telah dilantik iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) atau secara terus dari TERAJU@Koridor – rujuk Soalan 5 dan 6</p> <p>Sila ambil maklum bagi pembayaran balik secara berperingkat, pembayaran adalah setelah 50 peratus dan 100 peratus cadangan projek sepertimana dipohon selesai.</p>
Q16	Is there any procedure that I have to go through before the disbursement of fund can take effect?	Adakah sebarang langkah yang perlu saya lakukan sebelum bayaran balik dana tersebut dapat dilaksanakan?
A16	<p>Applicant should fulfill conditions which will be stipulated in the Facilitation Fund agreement including:</p> <ol style="list-style-type: none"> Financing for the project has been properly secured which ensures execution and completion of the project; and Company's investment value in project is at par or more than 50% of the fund applied. 	<p>Pemohon haruslah memenuhi syarat-syarat yang akan ditetapkan dalam perjanjian Dana Mudahcara termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pembiayaan projek telahpun diperolehi yang akan memastikan pelaksanaan dan penyelesaian projek; dan Nilai pelaburan syarikat di dalam projek hendaklah sama atau lebih daripada 50% dana yang dipohon.

Q17	Can you please elaborate what is meant by “Company’s investment value in project is at par or more than 50% of the fund applied”?	Boleh terangkan dengan lebih lanjut apakah yang dimaksudkan dengan “Nilai pelaburan syarikat di dalam projek hendaklah sama atau lebih daripada 50% dana yang dipohon”?
A17	Company’s own contribution to the cost of the project should be not less than half of the Facilitation Fund applied. Please refer to Appendix A for illustrations of this requirement.	Sumbangan syarikat kepada kos projek tidak boleh kurang daripada separuh daripada Dana Mudahcara yang dipohon. Silalah rujuk kepada Lampiran A untuk contoh-contoh layak di bawah syarat tersebut.
Q18	What is the role of Public-Private Partnership Unit (3PU) of the Prime Minister’s Department in the Facilitation Fund?	Apakah peranan Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri di dalam Dana Mudahcara tersebut?
A18	The RM2 billion Facilitation Fund is a result of joint efforts between TERAJU and 3PU. The 3PU will be the secretariat responsible for disbursement and monitoring of the Facilitation Fund for TERAJU-screened applicants with projects costing above RM50 million.	Dana Mudahcara sebanyak RM2 bilion tersebut adalah hasil kerjasama di antara TERAJU dan UKAS. UKAS bertindak sebagai sekretariat yang bertanggungjawab memproses permohonan-permohonan yang telah diteliti oleh TERAJU untuk pembayaran dan pemantauan Dana Mudahcara bagi nilai kos projek melebihi RM50 juta.
Q19	How do I apply for the Facilitation Fund?	Bagaimanakah caranya untuk saya memohon Dana Mudahcara tersebut?
A19	Eligible company can fill up the application form that can be downloaded from the TERAJU Website and send relevant printed documents in a sealed envelope either directly to TERAJU office or TERAJU@Corridor satellite office – refer Question 5 and 6 Please mark ‘FACILITATION FUND’ on the top left-hand side of the said envelope. Kindly submit TWO SETS of the completed application along with ONE SET in softcopy format.	Syarikat yang layak boleh melengkapkan borang permohonan yang boleh dimuat turun dari laman sesawang TERAJU dan mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan di dalam sampul surat yang dilekatkan sama ada secara terus kepada ibu pejabat TERAJU atau pejabat satelit TERAJU@Koridor – rujuk Soalan 5 dan 6 Silalah tandakan ‘DANA MUDAHCARA’ di sudut atas sebelah kiri sampul surat tersebut. Mohon kemukakan DUA SET SALINAN permohonan yang lengkap beserta SATU SET dalam bentuk salinan digital.
Q20	Where do I get the application form?	Di manakah boleh saya mendapatkan borang permohonan tersebut?
A20	Download the application form from our website at www.teraju.gov.my (under Download section)	Muat turun borang permohonan daripada laman sesawang kami di www.teraju.gov.my (bahagian Muat Turun)
Q21	How many companies TERAJU plan to have under the Facilitation Fund?	Berapakah jumlah syarikat yang dijangkakan oleh TERAJU di bawah Dana Mudahcara?
A21	The number of eligible companies would depend on the size of the successful projects and actual utilisation of the RM 2 billion Facilitation Fund.	Jumlah syarikat yang layak bergantung kepada saiz projek-projek yang berjaya dan penggunaan sebenar Dana Mudahcara sebanyak RM 2 bilion tersebut.
Q22	If I fail to get assistance the first time, can I apply again?	Sekiranya saya gagal untuk mendapatkan bantuan pada kali pertama, bolehkah saya memohon semula?
A22	Yes, you can re-apply after you have fulfilled all the scope and criteria.	Ya, anda boleh memohon semula setelah memenuhi semua skop dan kriteria kelayakan yang telah digariskan.

APPENDIX A

Illustrations for “Company’s investment value in project should be at par or more than 50% of the total fund applied”

SCENARIO A: Company applying Facilitation Fund up to 15% of the project cost

- Cost of project is RM30 million
- Fund applied is RM4.5 million (15% of project cost)
- 50% of fund applied is RM2.25 million (7.5% of project cost)
- Company’s own financing MUST NOT BE LESS than RM2.25 million

The above scenario can be illustrated in the following table:

	RM mil	%
• External financing: Loans from FIs and / or investment by VCs or other parties	22.5	75
• Internal financing: Company’s own fund	3.0	10
PRIVATE FINANCING	25.5	85
• Facilitation Fund	4.5	15
PROJECT COST	30	100

SCENARIO B: Company applying Facilitation Fund below 15% of the project cost

- Cost of project is RM20 million
- Fund applied is RM2 million (10% of project cost)
- 50% of fund applied is RM1 million (5% of project cost)
- Company’s own financing MUST NOT BE LESS than RM1 million

The above scenario can be illustrated in the following table:

	RM mil	%
• External financing: Loans from FIs and / or investment by VCs or other parties	15.5	77.5
• Internal financing: Company’s own fund	2.5	12.5
PRIVATE FINANCING	18	90
• Facilitation Fund	2	10
PROJECT COST	20	100

SCENARIO C: Company applying Facilitation Fund slightly below 15% of the project cost

- Cost of project is RM75 million
- Fund applied is RM11 million (14.67% of project cost)
- 50% of fund applied is RM5.5 million (7.33% of project cost)
- Company’s own financing MUST NOT BE LESS than RM5.5 million

The above scenario can be illustrated in the following table:

	RM mil	%
• External financing: Loans from FIs and / or investment by VCs or other parties	54	72.00
• Internal financing: Company’s own fund	10	13.33
PRIVATE FINANCING	64	85.33
• Facilitation Fund	11	14.67
PROJECT COST	75	100

LAMPIRAN A

Contoh-contoh “Nilai pelaburan syarikat di dalam projek hendaklah sama atau lebih daripada 50% daripada jumlah dana mudahcara yang dipohon”

SENARIO A: Syarikat memohon Dana Mudahcara sehingga 15% daripada kos projek

- Kos projek adalah sebanyak RM30 juta
- Dana dipohon adalah sebanyak RM4.5 juta (15% daripada kos projek)
- 50% daripada dana dipohon adalah RM2.25 juta (7.5% daripada kos projek)
- Pembiayaan syarikat TIDAK KURANG daripada RM2.25 juta

Senario di atas boleh digambarkan seperti berikut:

	RM juta	%
• Pembiayaan luaran: Pinjaman daripada institusi kewangan dan / atau pelaburan oleh modal teroka atau lain-lain pihak	22.5	75
• Pembiayaan dalaman: Dana syarikat	3.0	10
PEMBIAYAAN SWASTA	25.5	85
• Dana Mudahcara	4.5	15
KOS PROJEK	30	100

SENARIO B: Syarikat memohon Dana Mudahcara kurang daripada 15% kos projek

- Kos projek adalah sebanyak RM20 juta
- Dana dipohon adalah sebanyak RM2 juta (10% daripada kos projek)
- 50% daripada dana dipohon adalah RM1 juta (5% daripada kos projek)
- Pembiayaan syarikat TIDAK KURANG daripada RM1 juta

Senario di atas boleh digambarkan seperti berikut:

	RM juta	%
• Pembiayaan luaran: Pinjaman daripada institusi kewangan dan / atau pelaburan oleh modal teroka atau lain-lain pihak	15.5	77.5
• Pembiayaan dalaman: Dana syarikat	2.5	12.5
PEMBIAYAAN SWASTA	18	90
• Dana Mudahcara	2	10
KOS PROJEK	20	100

SENARIO C: Syarikat memohon Dana Mudahcara sedikit kurang daripada 15% kos projek

- Kos projek adalah sebanyak RM75 juta
- Dana dipohon adalah sebanyak RM11 juta (14.67% daripada kos projek)
- 50% daripada dana dipohon adalah RM5.5 juta (7.33% daripada kos projek)
- Pembiayaan syarikat TIDAK KURANG daripada RM5.5 juta

Senario di atas boleh digambarkan seperti berikut:

	RM juta	%
• Pembiayaan luaran: Pinjaman daripada institusi kewangan dan / atau pelaburan oleh modal teroka atau lain-lain pihak	54	72.00
• Pembiayaan dalaman: Dana syarikat	10	13.33
PEMBIAYAAN SWASTA	64	85.33
• Dana Mudahcara	11	14.67
KOS PROJEK	75	100